

PUSAT SUMBER

Kami mempunyai lebih daripada 500 buku dan video berkaitan dengan pelbagai jenis masalah pembelajaran serta kaedah intervensi, yang boleh dipinjam secara **Percuma**.

Panduan meminjam buku:

Sekali pinjam 2 buku untuk 2 minggu

HUBUNGI KAMI:

- Jika kanak-kanak/pelajar anda mempunyai masalah pembelajaran.
- Jika anda perlu sebarang maklumat mengenai perkhidmatan/pusat/pakar yang boleh menolong kanak-kanak keperluan khas
- Jika sekolah/institusi anda ingin menjemput BOLD untuk memberi ceramah/bengkel mengenai disleksia, ADD/ADHD atau masalah pembelajaran yang lain
- Jika anda mengetahui sesiapa yang ingin berkongsi kepakaran mereka melalui ceramah/bengkel

SERTA KAMI:

- Jika anda suka bersama kanak-kanak dan mempunyai beberapa jam seminggu untuk menyertai pasukan BOLD. Kami akan menyediakan latihan percuma.

BOLD
UNTUK KANAK-KANAK KHAS

Persatuan Bersemangat untuk Kanak-kanak Keperluan Khas Pulau Pinang (ROS: PPM-010-07-14012008) merupakan sebuah pertubuhan tidak berlandaskan keuntungan yang berkhidmat untuk Kanak-kanak Keperluan Khas.

Setiap orang kanak-kanak seharusnya diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka. Kanak-kanak Keperluan Khas memerlukan lebih sokongan supaya boleh hidup berdikari dalam masyarakat.

Kanak-kanak Keperluan Khas berhak mendapat : -

- Diagnosis Awal
- Intervensi Awal
- Perkhidmatan yang melibatkan keluarga
- Penerimaan (*inclusion*) dalam aliran pendidikan utama
- Peluang hidup berdikari dalam masyarakat.

Sebagai persatuan yang tidak berlandaskan keuntungan, kami hanya mengenakan bayaran yang nominal. Kami bergantung kepada dermaan orang ramai dan sumber biayaan yang lain untuk terus menjalankan perkhidmatan kami.

SOKONGLAH KAMI!

Derma boleh dibuat secara tunai atau cek dibayar kepada **BOLD for Special Needs Penang**; atau bayar terus ke CIMB 8003946993.

SEMUA DERMA ADALAH DIKECUALIKAN CUKAI di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

PUSAT

BOLD **PSDC** 
UNTUK KANAK-KANAK KHAS BUILDING TALENT BEYOND TOMORROW

**81 Cangkat Minden Jalan 5
11700 Gelugor
Pulau Pinang**

**Waktu Pejabat:
Selasa - Sabtu:
1.00 pm–5.00 pm**

**Telefon/Faks: 04-6598611
boldspecial@gmail.com
www.boldspecial.com**

**Perkhidmatan BOLD
boleh juga didapati di
Pusat BOLD-ACS**

**1, Lorong Sutera Prima 4,
Taman Sutera Prima,
13700 Seberang Jaya.
Telefon 04-3984358
Isnin - Jumaat : 1 petang–5 petang**

PERKHIDMATAN KAMI

Dengan Kerjasama Asia Community Service (ACS)



KUMPULAN PERMAINAN & SOSIAL

- Sasaran: Kanak-kanak berumur 3 - 8 tahun yang mempunyai kelewatan perkembangan dalam aspek sosial, komunikasi dan bahasa.
- Seminggu sekali, satu jam per sesi.
- Aktiviti khas bagi merangsang perkembangan sosial, kemahiran komunikasi seperti tunggu untuk giliran, kekal di dalam tugasan, mengikut arahan.
- Untuk Kumpulan Permainan (3-5 tahun), penjaga perlu hadir pada setiap sesi bersama kanak-kanak.



FOKUS MEMBACA

- Sasaran: Kanak-kanak berumur 6 - 8 tahun yang menghadapi masalah membaca dan menulis.
- 2 - 4 kali seminggu, satu jam per sesi.
- Bahan mengajar dan teknik direka untuk membantu kanak-kanak mencapai tahap asas membaca dalam bahasa utama yang digunakan di sekolah (Bahasa Malaysia atau Bahasa Cina).
- Kakitangan BOLD akan menguji kanak-kanak untuk menentukan samaada mereka akan bermanfaat daripada program ini.



PUSAT INTERVENSI AWAL - FIRST STEP

- Kanak-kanak berumur 0 - 4 tahun yang mempunyai kesukaran dalam pembelajaran/kelewatan perkembangan.
- **Pusat Utama:** 227 Jalan Pemancar, Gelugor, 11700 Penang.
- Tel: 04-6585396
- **Cawangan:** 1 Lorong Sutera Prima 4, Taman Sutera Prima, 13700 Seberang Jaya.
- Tel: 04-3984358



PENDIDIKAN INKLUSIF

- Program ini bekerjasama dengan tadika dan sekolah untuk memberi sokongan inklusif yang diperlukan oleh kanak-kanak keperluan khas di sekolah aliran utama.
- Buletin yang kerap untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan ibubapa dan guru.
- Lawatan daripada pegawai khas yang berpengalaman untuk memberi sokongan kepada cikgu dan ibu bapa.



RESPITE CARE

- Untuk keluarga yang mempunyai kanak-kanak kurang upaya pelbagai umur.
- Menyediakan persekitaran yang selamat, bersih dan penuh kasih sayang kepada kanak-kanak supaya keluarga boleh berehat bila perlu.
- 227A Jalan Pemancar, Gelugor 11700, Penang.
- Tel: 04-6587857
- Emel: respitpeg@gmail.com



JOM Perpustakaan Bergerak Mainan

- Pelbagai aktiviti untuk mempromosikan aktiviti bermain bagi kanak-kanak kurang upaya yang serious di kawasan luar Bandar, khususnya melalui lawatan ke PDK tertentu di Pulau Pinang.
- Menggalakkan pembelajaran spontan melalui bermain.
- Tel: 016-4487006.